

KURSUS DULU SEBELUM TERNAK IKAN DALAM TANGKI SIMEN

Saya adalah bekas siswazah ingin mendapatkan maklumat lanjut berkenaan Program Inkubasi Usahawantani. Ini kerana saya berminat mengusahakan tanaman di kawasan rumah saya.

Lokhman Hakim
Bandar Darul Aman,
Jitra, Kedah

Universiti Putra
Malaysia (UPM) ada



DR Marzuki

menganjurkan Program Inkubasi Usahawantani bagi melahirkan usahawan dalam kalangan graduan khususnya di bidang pertanian selaras dengan hasrat kerajaan untuk menambah bilangan usahawan muda.

Antara modul yang ditawarkan adalah tanaman rock melon (fertigasi), akuakultur (ternakan ikan tilapia dalam sangkar) bioteknologi (penghasilan biokompos), ternakan

ayam kampung kacukan, pengurusan perkhidmatan makanan, perdagangan, ekopelancongan dan ternakan ruminan.

Graduan dengan kelayakan minimum Diploma (keutamaan adalah kepada graduan dalam bidang yang berkaitan dengan pertanian) yang berusia antara 18-34 tahun layak untuk memohon. Program bakal berlangsung sepenuh masa selama 6 bulan.